

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RPK 534 Perancangan Pembangunan Bandar

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Sebagaimana di negara-negara membangun, proses pembangunan bandar di Malaysia juga berjalan selari dengan proses urbanisasi.

Huraikan dengan jelas pengertian yang berbeza di antara urbanisasi dan pembangunan bandar dengan memberi contoh kepada negara ini.

(25 Markah)

2. Pertambahan pesat penduduk bandar melalui migrasi dari luar bandar menimbulkan masalah kesesakan. Tetapi penghijrahan tersebut tidak harus dihalang kerana tenaga mereka amat diperlukan untuk pembangunan bandar dan untuk mengimbangi komposisi penduduk bandar mengikut kaum.

Sebagai seorang perancang bandar bagaimana anda dapat mengatasi isu tersebut.

(25 Markah)

3. Bincangkan Implikasi Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk pembangunan bandar dalam proses pembandaran di Malaysia dengan memberi rujukan kepada peranan agensi-agensi awam yang berkaitan.

(25 Markah)

...2/-

4. Dalam akhbar The New Straits Times, 16 Ogos 1989 ada menyiarkan bahawa pada tahun 2000 lebih daripada 60 peratus penduduk di Malaysia akan tinggal di bandar-bandar.

Bincangkan implikasi fenomena ini.

(25 Markah)

5. Pada kebanyakan Perancang Bandar, aktiviti utama mereka adalah menyediakan pelan-pelan pembangunan untuk memaju, memandu dan mengawal pembangunan tanah bandar dan ini mempunyai implikasi politikal ekonomi pada bandar dan masyarakat. Dalam hal ini peranan Perancang Bandar adalah penting.

Persoalanya, apakah peranan yang akan dimainkan oleh mereka?

(25 Markah)

6. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 menghendaki semua kawasan pembandaran di Semenanjung Malaysia mengadakan pelan pembangunan untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi dalam proses pembandaran.

Nyatakan dengan jelas apakah peranan yang terkandung dalam pelan pembangunan.

(25 Markah)

-00000000-